

Ejen AP import kubis untung RM300 setan

Anggaran ikut pembayaran komisen setiap kilogram sayur

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ejen yang melayahgunakan Permit Kelulusan (AP) bagi mengimport kubis bulat, dipercayai mengaut untung di antara RM80 hingga RM300 bagi setiap tan sayur itu dibawa masuk.

Anggaran keuntungan itu berdasarkan pembayaran komisen bagi setiap kilogram (kg) sayur yang dibawa masuk pada kadarnya di antara lapan hingga 30 sen akibat kepada permintaan. Sekiranya permintaan sayur tinggi, kadar komisen boleh mencecah sehingga 30 sen bagi setiap kg atau RM300 bagi satu tan yang bersamaan 1,000kg.

Kadar komisen paling rendah

pernah ditawarkan ialah lapan sen bagi setiap kg atau RM80 bagi satu tan bersamaan 1,000kg.

Pembabitin ejen atau orang tengah itu menyebabkan wujudnya lapisan ketiga dalam rantaian pembekalan kubis bulat yang kebanyakannya diimport dari China, sekali gus meningkatkan harga sayur perlu dibayar penguana.

Berdasarkan semakan pada laman web dibangunkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menyemak harga barang, termasuk sayur, harga kubis bulat pada 8 Ogos antara RM2 hingga RM5 mengikut lokasi.

Kegiatan penjualan dan penewaan AP mengimport kubis bulat divedahkan Kajian Pasaran Sektor Makanan dikendalikan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dipercayai semakin menjadi-jadi kebelakangan ini, berikutan harga sayuran itu yang semakin meningkat.

Susulan pendedahan MyCC pada Selasa lalu, BH cuba mengesan kegiatan itu sebelum menerbitkan iklan dalam sesawang yang

menawarkan iklan perkhidmatan menyewa AP kubis.

Semakan terhadap sesawang yang mengiklankan pelbagai AP itu, ejen dikenali sebagai Man menawarkan perkhidmatan menyewa AP bagi mengimport kubis bulat dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sejak pertengahan tahun lalu.

Ketika dihubungi untuk bertanyakan mengenai kuota kubis yang dijualnya, lelaki terabit mendakwa AP miliknya sudah habis dijual ekoran permintaan tinggi dalam pasaran sekarang.

Lelaki itu mendakwa, kuota AP miliknya dan rakan ketika ini sudah habis, tetapi berjanji akan menghubungkan kembali jika ada diantara mereka masih mempunyai baki permit itu.

Ditanya mengenai kadar bayaran sewa AP kubis bulat ketika ini, lelaki itu mendakwa ketika ini sewaan adalah di antara 15 hingga 30 sen sekilogram, tertakluk kepada harga dan permintaan sayur berkenaan dalam pasaran.

Individu terabit mendakwa kuota AP miliknya digunakan se-



Punca 5 bekalan makanan mahal

Keratan akhbar BH 7 Ogos lalu.

penuhnya beberapa bulan lalu dan sudah dua kali diperbaharui. Dia mendakwa terpaksa menyewakan pada harga murah kerana kekurangan permintaan ketika itu.

"Akhir-tahun tidak ramai mahu menyewa AP menyebabkan terjadi lambakan. Saya terpaksa tawarkan harga rendah untuk pasaran AP disewa.

"Ketika itu, pengimport bayar lapan sen, 10 sen dan 15 sen. Harga biasa 20 sen ke atas. Sekarang harga naik sedikit kerana permintaan tinggi, sebab itu banyak kuota sudah habis," katanya.

Berdasarkan Kajian Pasaran Sektor Makanan itu, kegiatan menyewa AP mengimport kubis adalah antara punca kenaikan harga sayur yang juga bekalan makanan utama rakyat negara ini.

Mengikut laporan itu, segelintir pemegang AP menjual atau menyewakannya berikutan syarat mewajibkan mereka menggunakan 90 peratus kuota yang diperuntukkan bagi terus mendapatkan kannya pada masa depan.

Sistem sedia ada tidak membuat pengesanan sama ada pemegang AP terabit benar-benar menjalankan urusan niaga mengimport sayur dan tiada pemeriksaan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) selepas barangan dilepaskan di pintu masuk.

Sebaliknya, penilaian bagi memohon AP atau memperbaharui AP berdasarkan semakan pada dokumen yang antaranya meminta pemohon memberikan butiran seperti penyewaan bilik sejuk beku dan gudang penyimpanan.